



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
**MINISTRY OF HEALTH OF MALAYSIA**  
Bahagian Pengurusan Latihan  
*Training Division*  
Aras 3 dan 6, Menara Prisma  
No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62675 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 603-8000 8000  
Faks (Fax) : 603-8885 0748  
Laman Web (Web) : latihan.moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM 510-12/2/33 Jilid 19 (23)  
Tarikh : 28 Januari 2020

Pengarah Bahagian

Setiausaha Bahagian

Pengarah Kesihatan Negeri

Pengarah Hospital

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

## **PEMAKLUMAN PELAKSANAAN CUTI REHAT SELEPAS BERKURSUS LEBIH 12 BULAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang telah sedia maklum, merujuk kepada Perintah Am 37 (b) Bab C (Cuti) Tahun 1974 menjelaskan bahawa seseorang pegawai yang mengikuti sesuatu kursus yang melebihi 12 bulan, akan dianggap sebagai telah menghabiskan semua Cuti Rehat yang ia telah berkecualan mendapat sebelum pergi berkursus itu.
3. Manakala berdasarkan kepada Perintah Am Bab 38 Bab C (Cuti) Tahun 1974 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2009 menjelaskan bahawa bagi pegawai yang diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) melebihi 12 bulan, semua cuti rehat yang pegawai berkecualan sebelum tarikh CBBP tersebut adalah luput.



4. Walau bagaimanapun, pegawai boleh diberi kemudahan Cuti Rehat Selepas Berkursus Lebih 12 Bulan tertakluk kepada had sehingga 7 hari sekiranya pegawai masih mempunyai baki Cuti Rehat sebelum tarikh kuat kuasa CBBP. Cuti Rehat ini tidak perlu ditolak dari Cuti Rehat pegawai akan berkelayakan setelah pegawai berkhidmat semula.
  
5. Kemudahan Cuti Rehat Selepas Berkursus Lebih 12 Bulan ini diberikan dengan mengambil kira keperluan pegawai menguruskan urusan perpindahan selepas tamat berkursus. Oleh itu, kelayakan Cuti Rehat Selepas Berkursus Lebih 12 Bulan adalah mulai selepas lapor diri di Bahagian Pengurusan Latihan, KKM dan Jabatan baru. Perkiraan Cuti Rehat Selepas Berkursus Lebih 12 Bulan ini adalah tidak termasuk cuti umum dan cuti hujung minggu. Kemudahan cuti ini juga perlu dihabiskan dalam **tempoh yang munasabah**.
  
6. Bagi Pegawai yang ditempatkan di bawah Jawatan Simpanan Latihan (JSL), Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia, pelaksanaan kemudahan Cuti Rehat Selepas Berkursus ini adalah seperti di **Lampiran A1 dan Lampiran A2** dan permohonan kelulusan Cuti Rehat Selepas Berkursus Lebih 12 Bulan ini perlu dipohon kepada Pelulus Cuti seperti di **Lampiran B**.
  
7. Pemberian Cuti Rehat Selepas Berkursus Lebih 12 Bulan ini adalah tertakluk jika pegawai mempunyai baki cuti rehat sebelum pergi berkursus. Bagi Pegawai Perubatan Program Latihan Kepakaran Sarjana Perubatan Sistem Terbuka pemberian cuti adalah tertakluk kepada penempatan latihan.
  
8. Dengan berkuat kuasanya perlaksanaan ini, Surat Edaran Bahagian ini rujukan KKM.500/3/4/10 Jld.3(47) bertarikh 16 Julai 2018 adalah dibatalkan.

9. Justeru itu, kerjasama YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah dipohon bagi mematuhi peraturan ini sebagaimana ianya berkuatkuasa. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini hendaklah dikemukakan kepada Program Kepakaran 1 dan Program Kepakaran 2, Bahagian Pengurusan Latihan, KKM. YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan boleh menghubungi pegawai-pegawai berkaitan melalui email [ehlp@moh.gov.my](mailto:ehlp@moh.gov.my) atau [jsl\\_bpl@moh.gov.my](mailto:jsl_bpl@moh.gov.my).


Sekian, terima kasih



**(DR ZAINAL ABIDIN BIN SAIT)**  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Latihan  
b.p Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia

PELAKSANAAN CUTI REHAT SELEPAS BERKURSUS LEBIH 12 BULAN BAGI PEGAWAI DI BAWAH JAWATAN SIMPANAN LATIHAN, IBU PEJABAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

LAPOR DIRI - SARJANA PERUBATAN




**PELAKSANAAN CUTI REHAT SELEPAS BERKURSUS LEBIH 12 BULAN BAGI PEGAWAI DI BAWAH JAWATAN SIMPANAN LATIHAN, IBU PEJABAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**LAPOR DIRI - SARJANA LAIN-LAIN**

1. Pelaksanaan Cuti Rehat Selepas Berkursus Lebih 12 Bulan ini adalah mulai selepas lapor diri di Bahagian Pengurusan Latihan, KKM dan Jabatan baru serta perlu dihabiskan bermula tarikh kuat kuasa Penempatan Hakiki / Semula oleh Bahagian Sumber Manusia

Lapor Diri Tamat Pengajian

**TARIKH LAPOR DIRI TAMAT PENGAJIAN**



2. Kemudahan Cuti Rehat Selepas Berkursus Lebih 12 Bulan ini dikira secara berturut-turut dan tidak termasuk cuti umum dan cuti hujung minggu.

3. Kemudahan Cuti Rehat Selepas Berkursus Lebih 12 Bulan ini tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan baru

**LAMPIRAN B****PELULUS CUTI BAGI CUTI REHAT SELEPAS BERKURSUS LEBIH 12 BULAN  
PEGAWAI DI BAWAH JAWATAN SIMPANAN LATIHAN**

<b>BIL.</b>	<b>PROGRAM LATIHAN</b>	<b>PELULUS CUTI</b>
a)	Program Kepakaran Sarjana Perubatan	Ketua Jabatan Penempatan Sementara
b)	Program Kepakaran Pengurusan & Profesional	Ketua Jabatan Penempatan Hakiki
c)	Kemudahan Cuti Belajar Bagi Mengikuti Kursus Dalam Perkhidmatan Secara Sepenuh Masa Kepada Kumpulan Pelaksana (Bukan Guna Sama dan Kader Lantikan Kementerian Kesihatan Malaysia)	Ketua Jabatan Penempatan Hakiki